

NO. SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada usaha untuk mengkaji secara holistik mengapa nilai akidah sedang merosot walaupun ada kelompok-kelompok yang berusaha menjalankan dakwah tanpa sebarang bantuan dan campur tangan Kerajaan.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai usaha bagi memperkasa akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah di negara ini. Pihak berkuasa agama negeri dan juga agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) dan sebagainya sentiasa menjalankan program-program ke arah memberi kefahaman dan pengukuhan akidah umat Islam. Ia merangkumi program-program dakwah dan penjelasan isu-isu akidah semasa kepada pelbagai lapisan masyarakat. Langkah-langkah pencegahan melalui penfatwaan dan penguatkuasaan terhadap fahaman dan gerakan yang melakukan penyelewengan akidah turut diperkasakan.

Kerajaan juga pada masa yang sama bekerjasama kepada pertubuhan-pertubuhan Islam bukan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dalam menjalankan aktiviti dakwah dan program keagamaan di negara ini. Adapun sebarang usaha dakwah oleh mana-mana pihak secara sukarela merupakan satu perkembangan yang baik dan sihat. Keadaan ini menunjukkan semua pihak menyedari bahawa usaha dakwah adalah tanggungjawab bersama.

Sekian, terima kasih.